

12 MAY 1997

PM: KERAJAAN TEKAD TERUSKAN INDUSTRI KELULI

GURUN, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan bertekad dengan keputusannya untuk meneruskan industri keluli negara walaupun ada kritikan apabila sesuatu projek kerajaan menghadapi krisis.

Katanya, Malaysia patut berusaha untuk menjadi pengeksport keluli yang utama dirantau ini.

"Kita bukan saja mahu dikenali sebagai pengeluar utama barangan keluli, tetapi barangan keluli yang dikeluarkan bermutu tinggi serta konsisten pengluarannya", katanya ketika merasmikan bahagian kilang "Beam and Section" di kompleks Perwaja Steel Sdn Bhd, di sini hari ini.

Dengan kekuatan itu, Dr Mahathir berkata, negara tidak lagi perlu bergantung kepada import barangan keluli tertentu bagi menampung keperluan tempatan.

Beliau berharap, syarikat-syarikat barangan keluli tempatan dapat meningkatkan daya inovasi dan inisiatif masing-masing untuk mengeluarkan produk baru yang sangat diperlukan oleh sektor pembinaan dan fabrikasi tempatan.

Dr Mahathir berkata, untuk menjadi sebuah negara perindustrian berjaya, Malaysia perlu mengeluarkan sendiri barangan kelulinya.

Katanya industri keluli memerlukan pelaburan yang besar yang tidak semestinya menjanjikan pulangan keuntungan dalam masa yang singkat, sambil merujuk kepada pengalaman industri keluli di Amerika Syarikat, Jepun dan Korea Selatan melalui proses yang sama dengan keuntungan hanya diperolehi selepas lama beroperasi.

Beliau berkata, keinginan kerajaan untuk membangunkan industri itu adalah memandangkan kemajuan industri tersebut menjadi kayu pengukur kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

"Malaysia harus menyedari hakikat ini dan memastikan agar industri keluli kita akan turut mengiringi kemajuan negara kita," tambahnya.

Dr Mahathir berkata keperluan keluli tempatan amat besar sehubungan dengan kerancangan dan kepesatan pembangunng negara semasa kini berikutan pembangunamn pelbagai projek seperti projek lapangan terbang antarabangsa di Sepang, Koridor Raya Multimedia dan bandar Cyberjaya.

Dengan itu, beliau menyarankan supaya Perwaja, sebagai perintis industri keluli negara, bersikap pro-aktif dengan perkembangan-perkembangan tersebut dan membuat perancangan rapi serta praktikal yang menjurus kepada memenuhi keperluan sektor pembinaan tempatan.

Perdana Menteri mengakui bahawa Malaysia masih baru dalam industri itu tetapi katanya kita boleh mendapat sedikit sebanyak kepakaran dalam bidang keluli selepas berbelas-belas tahun menceburi industri tersebut.

Katanya, walaupun Perwaja pernah mengalami masalah, beliau yakin pengalaman pahit yang lepas akan menjadi teladan dan panduan bagi membawa semula Perwaja ke mercu kejayaan.

"Kita tidak boleh mudah kecewa atau menyerah kalah atau semata-mata menyerah kepada takdir akan nasib kita... kita perlu berusaha dengan sepenuh komitmen kita," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau berpendapat para pekerja Perwaja menunjukkan semangat kerja yang tinggi yang dapat membantu syarikat menempa kejayaan seterusnya.

Beliau berharap semangat itu dikekalkan kerana tanpa semangat "kita tidak ubah seperti robot atau mesin yang hanya mengikut arahan tanpa

menggunakan minda kita untuk berfikir bagi kebaikan kerja kita dan untuk meningkatkan kejayaan kita."

Beliau juga berkata, para pekerja tidak boleh bekerja kerana upah semata-mata, sebaliknya mereka harus bekerja kerana ingin melihat hasil kerja yang memuaskan diri mereka sendiri, begitu juga ahli politik, mereka tidak harus bekerja kerana wang tetapi perlu mempunyai keinginan untuk melihat negara mencapai kemajuan dan kemodenan yang setanding dengan negara maju yang lain.

Hari ini, Dr Mahathir turut menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian bagi pusat teknologi keluli di antara Perwaja Steel dan Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau kemudian meluangkan kira-kira sejam melihat pameran dan melawat kilang tersebut. -- BERNAMA

MFJ/MSL MA